Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 8, e002479
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2479

Hubungan Antara Motivasi dan Kemahiran Keusahawanan dalam kalangan Banduan Parol di Malaysia

(The Relationship Between Motivation and Entrepreneural Skills Among Parole Prisoners in Malaysia)

Siti Noradilah Zainal[1], Fauziah Ibrahim[2*], Ezarina Zakaria[3]
Wan Shahrazad Wan Sulaiman[4], Mohammad Rahim Kamaluddin[5]
Sheerad Sahid[6]

[1]Yayasan Habib, Lorong Memanda 2, 68000 Ampang, Selangor, Malaysia.
Email: adilah.zainal94@gmail.com
[2]Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: ifauziah@ukm.edu.my
[3]Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: ezaz@ukm.edu.my
[4]Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: shara@ukm.edu.my
[5]Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: rahimk@ukm.edu.my
[6]Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: sheerad@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Fauziah Ibrahim
(ifauziah@.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Motivasi
Kemahiran
Keusahawanan
Banduan
Parol

KEYWORDS:
Motivation
Skills
Entrepreneurial
Prisoners
Parole

CITATION:
Siti Noradilah Zainal et al. (2023). Hubungan Antara Motivasi dan Kemahiran

ABSTRAK

Motivasi merupakan faktor tarikan penting yang boleh mendorong seseorang individu untuk memulakan langkah untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk (1) mengenal pasti tahap motivasi keusahawanan dalam kalangan banduan parol dan (2) menganalisis hubungan antara motivasi keusahawanan dengan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Seramai 354 orang banduan parol yang sedang menjalani tempoh pengawasan di Jabatan Penjara Malaysia dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan ujian korelasi. Analisis kajian menunjukkan bahawa majoriti banduan parol yang terlibat dalam kajian ini menunjukkan tahap motivasi keusahawanan yang tinggi (56.2%) untuk menceburi bidang keusahawanan. Manakala analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang positif, sederhana dan signifikan antara motivasi ($r = .517$, $k < .000$) dengan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol di Malaysia. Hasil kajian memberi implikasi terhadap keperluan mewujudkan modul keusahawanan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Keusahawanan dalam kalangan Banduan Parol di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(8), e002479. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i8.2479

dalam kalangan banduan parol agar mereka dapat menjalani latihan kemahiran keusahawanan sewaktu menjalani tempoh pengawasan parol dan seterusnya membina kerjaya melalui aktiviti keusahawanan.

ABSTRACT

Motivation is an important attracting factors that pushes an individual to venture themselves into entrepreneurship. Therefore, this study is carried out to (1) identify the level of entrepreneurship among parole and (2) to analyze the relationship between entrepreneurial motivation and entrepreneurship skills among parole. This study is a quantitative cross-sectional survey. 354 parole who are currently under supervision of the Malaysian Prison Department are chosen as respondent of the research. Research data are analysed descriptively and inferentially using the Pearson Correlation. Research analysis shows that the majority of the parole that took part with the study possesses high level of motivation (56.2%) to pursue entrepreneurship as a career choice. Pearson Correlation analysis shows that there are significant, positive and medium relation between motivation (r= .517, k<.000) and entrepreneurship skills among parole in Malaysia. The result of the analysis gives implication among the need to come up with an entrepreneurship module among parole so that they would be able to go through entrepreneurship training while undergoing parole supervision hence building their own career through entrepreneurial activities.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini berupaya memberi sumber maklumat penting kepada pihak yang berkepentingan dalam membantu menyediakan program latihan yang boleh membina motivasi dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol serta membantu proses pengintegrasian semula dan mengurangkan kadar residivisme dalam kalangan banduan parol.

1. Pengenalan

Keusahawanan merupakan satu bidang penting yang boleh menyumbang dan membantu perkembangan ekonomi negara serta membentuk peluang-peluang pekerjaan kepada individu dan masyarakat sekitar (Deveci & Seikkula-Leino, 2018). Dalam membentuk dan membudayakan aktiviti keusahawanan, aspek motivasi memainkan peranan penting untuk memberi dorongan dan cetusan minat seseorang individu untuk terus terlibat dalam bidang keusahawanan. Menurut Latham dan Pinder (2005), motivasi adalah proses psikologikal yang terhasil daripada tindak balas individu dengan persekitarannya. Motivasi juga dilihat sebagai pencetus terhadap tindakan yang dilakukan oleh seseorang individu untuk memulakan perniagaan (Kirkwood, 2009; Williams, 2007; Kolvereid, 1996). Kajian yang dijalankan oleh Segal et al. (2005) pula berpendapat bahawa motivasi memainkan peranan yang penting terhadap proses penciptaan perniagaan. Pernyataan ini dilihat selari dengan model tingkah laku strategik yang dibangunkan oleh Simpson et al. (2013) yang mendapati bahawa motivasi merupakan faktor dalaman yang boleh mempengaruhi dan menjadi penggerak kepada kejayaan usahawan dalam memulakan perniagaan. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang faktor

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

motivasi yang boleh menyumbang kepada kejayaan secara terus, tetapi ianya lebih kepada interaksi faktor motivasi dalaman dan luaran yang mempengaruhi tindak tanduk seorang usahawan (Aidis et al., 2006; Baum & Locke, 2004; Carter et al., 2003). Sharafizad dan Coetzer (2016) mendapati faktor penolak yang mendorong seseorang untuk bekerja sendiri adalah disebabkan oleh faktor pengangguran, kehilangan kerja dan kekurangan peluang pekerjaan. Manakala, faktor penolak yang mendorong penglibatan seseorang dengan aktiviti keusahawanan adalah disebabkan oleh mereka ingin mencari sumber pendapatan bagi meneruskan kehidupan seharian (Williams, 2008; Tipple, 2005).

Di Malaysia, kajian yang berkaitan dengan dorongan motivasi keusahawanan dalam kalangan banduan parol masih belum dirungkai. Kebanyakan kajian keusahawanan tertumpu kepada aspek keusahawanan dalam kalangan pelajar (Wan Mohd Zaifurin & Ibrahim, 2019; Azwin, Nor Aishah & Norasmah, 2021; Nor Hazwani & Sheerad, 2020) berbanding kajian-kajian yang melibatkan bekas banduan. Ketiadaan maklumat berkaitan dengan perkara tersebut memberi implikasi terhadap usaha-usaha pihak yang berkepentingan dalam merangka modul keusahawanan dan program-program kerjaya melibatkan bekas banduan. Ia juga secara tidak langsung menjejaskan Teras Strategik 1 Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang bermatlamat untuk membudayakan keusahawanan dalam segenap lapisan masyarakat. Ekoran itu, kebanyakan bekas banduan yang telah menjalani tahanan dan pemulihan berhadapan dengan kesukaran mencari pekerjaan. Strickland (2018) dalam kajiannya mendapati bahawa bekas banduan yang telah tamat menjalani hukuman penjara dan belum memperoleh pekerjaan lebih berpotensi untuk terlibat semula dengan aktiviti jenayah berbanding mereka yang mempunyai pekerjaan setelah selesai menjalani hukuman penjara. Fletcher (2004) serta Sheppard dan Ricciardelli (2020) pula mendapati antara punca berlakunya residivisme dalam kalangan banduan adalah disebabkan oleh masalah kesukaran mendapatkan pekerjaan dan masih menganggur selain masalah stigma masyarakat terhadap diri banduan (Rose & Clear, 2003; Aminu & Halim, 2015). Kebanyakan bekas banduan juga dikenal pasti menghadapi kepayahan mendapatkan pekerjaan yang sesuai untuk mereka disebabkan oleh faktor personaliti yang kurang meyakinkan, tiada kemahiran dan memiliki tahap kelayakan pendidikan yang rendah (Harlow, 2003; Mears, Winterfield, Hunsaker, Moore, & White, 2003).

Memandangkan aspek motivasi keusahawanan adalah faktor yang menjadi penggerak terhadap aktiviti kerjaya dan penjanaan pendapatan dalam kalangan banduan parol, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi keusahawanan dan menganalisis hubungan antara motivasi dengan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol di Malaysia. Hasil kajian diharap dapat dijadikan sebagai data asas dan sumber rujukan penting kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam penyediaan peluang pekerjaan dan mengambil kira aspek motivasi keusahawanan dalam merangka modul-modul keusahawanan dalam kalangan bekas banduan.

1.1. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

i. Mengukur tahap motivasi keusahawanan dalam kalangan banduan parol.
ii. Menganalisis hubungan antara motivasi dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol di Malaysia.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2. Metod Kajian

2.1. Reka bentuk kajian

Reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif telah digunakan dalam menjalankan kajian. Manakala kaedah secara survei dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden telah digunakan untuk memperoleh data penyelidikan. Menurut (Arikunto, 2006) kajian kuantitatif adalah kajian yang melibatkan data numerik dengan melibatkan beberapa proses tertentu seperti pengumpulan dan pentafsiran data. Menurut Sabitha (2006) reka bentuk kajian juga merupakan pelan tindakan yang menunjukkan secara terperinci tentang bagaimana kajian dijalankan dan menjadi panduan kepada pengkaji terhadap usaha dan proses pengumpulan data di lapangan.

2.2. Persampelan

Proses bagi pemilihan sampel kajian merupakan satu prosedur yang penting kerana sampel akan memberi gambaran berkaitan dengan keseluruhan isu yang ingin dirungkai oleh seorang pengkaji dalam kajian yang dilakukannya (Wallace & Van, 2012). Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada bekas banduan atau dipanggil sebagai orang yang diparol (ODP) yang telah dibebaskan daripada hukuman Penjara tetapi masih berada di bawah pengawasan pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM). Penentuan saiz sampel bagi kajian ini ditentukan berdasarkan kepada jadual persampelan yang disediakan oleh Cohen et al. (2001) dengan mengambil kira aras kesignifikanan pada $p<.05$ (aras keertian = 95%). Seramai 354 banduan parol yang berada di lima buah zon di Malaysia telah dipilih sebagai sampel penyelidikan.

2.3. Lokasi kajian

Kajian ini melibatkan tujuh buah lokasi kajian yang berasingan di negeri-negeri yang terlibat untuk menempatkan banduan yang sedang menjalani program pengawasan di bawah pengendalian pihak Jabatan Penjara Malaysia. Bagi tujuan memudahkan proses pengumpulan data dan memastikan agar jumlah sampel adalah seimbang bagi mewakili zon berbeza diperoleh, semua penjara dibahagikan kepada lima zon. Kesemua Pejabat Parol yang dipilih dalam kajian ini mempunyai kapasiti bilangan bekas banduan yang tinggi berbanding negeri yang lain serta memudahkan kajian lapangan dijalankan bagi mendapatkan sampel kajian yang mencukupi. Berdasarkan justifikasi tersebut, lima buah zon dan penjara yang dipilih bagi mewakili setiap zon yang terlibat dalam penentuan lokasi adalah seperti berikut:

i. Pejabat Parol Zon Selatan: Johor
ii. Pejabat Parol Zon Timur: Terengganu
iii. Pejabat Parol Zon Tengah: Selangor dan Negeri Sembilan
iv. Pejabat Zon Utara : Pulau Pinang dan Kedah
v. Pejabat Zon Sabah/Sarawak: Sabah

2.4. Instrumen Kajian

Motivasi merujuk kepada keinginan dan kemahuan banduan parol untuk melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan. Dalam kajian ini motivasi keusahawanan diukur dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 10 item yang dibina oleh Fauziah et al. (2021) dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.903. Setiap item diukur

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dengan menggunakan skala Likert empat mata iaitu: (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Setuju dan (4) Sangat Setuju.

2.5. Kaedah pengumpulan data

Kajian ini dijalankan dengan membuat permohonan kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia (JPM) untuk menjalankan kajian. Setelah surat kelulusan diberikan oleh pihak JPM, pengkaji kemudiannya telah menghubungi dan membuat temu janji dengan setiap Pengarah Parol JPM yang terlibat bagi menetapkan tarikh bagi kerja-kerja pengutipan data. Setelah tarikh dipersetujui, edaran borang soal selidik kemudiannya dijalankan kepada banduan yang sedang menjalani program pengawasan di JPM mengikut jumlah sampel yang telah ditentukan mengikut zon. Sewaktu kerja-kerja pengutipan data dilakukan, penyelidik telah mendapatkan bantuan daripada Pegawai Parol bagi membantu kerja-kerja pengedaran dan pengutipan data dan juga mengambil maklum berkaitan SOP yang perlu dipatuhi. Bagi mendapatkan jumlah borang soal selidik yang tepat, pengkaji telah membuat pemeriksaan terhadap setiap helaian pada borang soal selidik sewaktu pengutipan borang dijalankan. Ia bertujuan untuk memastikan setiap responden mengisi borang soal selidik dengan sempurna dan lengkap. Sekiranya terdapat mana-mana borang yang didapati tidak diisi dengan lengkap, pengkaji telah memulangkan semula kepada responden dan memastikan mereka menjawab semula soalan yang tercicir dengan bantuan daripada Pegawai Parol. Melalui pendekatan ini, pengkaji telah dapat mengumpulkan kesemua borang soal selidik yang tepat berdasarkan kepada bilangan sampel yang disasarkan.

2.6. Analisis data

Data kajian dianalisis dengan menggunakan "*Statistical Package for the Social Science for Windows*" (SPSS for Windows). Menurut Chua (2014), analisis deskriptif digunakan untuk menunjukkan keputusan kepada sesuatu data yang telah diperoleh. Dalam kajian ini, analisis deskriptif seperti frekuensi dan peratusan digunakan untuk mengukur tahap motivasi keusahawanan dalam kalangan banduan parol. Manakala analisis inferensi (korelasi Pearson) digunakan untuk mengenal pasti hubungan antara motivasi dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol di Malaysia.

4. Hasil Kajian

4.1. Tahap Motivasi Keusahawanan Dalam Kalangan Banduan Parol

Dalam kajian ini, motivasi merujuk kepada faktor dorongan dan keinginan banduan parol untuk terlibat dengan aktiviti keusahawanan seperti berminat untuk berniaga, keinginan mencapai cita-cita dan motivasi untuk membantu keluarga.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti daripada banduan parol yang terlibat dengan kajian ini mempunyai tahap motivasi keusahawanan yang tinggi (56.2 peratus) ke tahap sederhana (40.1 peratus). Hanya 3.7 peratus sahaja dalam kalangan banduan parol yang menunjukkan tahap motivasi keusahawanan yang rendah dan tidak berminat untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan (Jadual 1).

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1: Tahap Motivasi Keusahawanan Dalam Kalangan Banduan Parol

Tahap	n=354	Peratus (%)
Rendah	13	3.70
Sederhana	142	40.1
Tinggi	199	56.2
Jumlah	**354**	**100**

Nota: Tahap rendah (1.00 – 2.00) Tahap Sederhana (2.01 – 3.00) Tahap Tinggi (3.01-4.00)

Jadual 2 menunjukkan taburan peratusan item motivasi keusahawanan dalam kalangan banduan parol yang terlibat dengan kajian.

Jadual 2: Taburan Peratusan Item Motivasi Keusahawanan Dalam Kalangan Banduan Parol

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
		P(%)	P(%)	P(%)	P(%)	
1.	Saya ingin bantu tingkatkan pendapatan keluarga.	0.3	5.1	48.0	46.6	3.41
2	Saya percaya dengan berniaga boleh bantu saya keluar dari kesusahan hidup	0.6	6.2	45.5	47.7	3.40
3.	Saya ingin gunakan kemahiran yang saya ada untuk berniaga.	1.1	8.5	49.7	40.7	3.30
4.	Saya berniaga kerana anak-ana dan keluarga.	1.4	9.6	48.3	40.7	3.28
5.	Dengan berniaga, saya dapat mencapai cita-cita.	0.8	11.9	52.0	35.3	3.22
6.	Saya berminat untuk berniaga.	2.3	14.4	51.7	31.6	3.13
7.	Saya ada rakan yang berjaya dalam perniagaan.	2.8	16.4	53.7	27.1	3.05
8.	Saya percaya perniagaan menyebabkan saya menjadi kaya.	1.4	19.2	54.5	24.9	3.03
9.	Dengan berniaga, saya boleh menjadi bos/ketua.	1.7	21.2	53.4	23.7	2.99
10.	Saya kenal ahli perniagaan berjaya yang boleh dicontohi.	2.3	21.5	53.4	22.9	2.97

Secara terperinci kajian mendapati kebanyakan banduan parol yang terlibat dalam kajian ini mengakui bahawa mereka mempunyai motivasi dan ingin berniaga untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga (94.6 peratus - item 1) serta percaya bahawa perniagaan boleh membantu mereka untuk keluar daripada kesusahan hidup (93.2 peratus - item 2). Sejumlah 90.4 peratus daripada banduan parol yang terlibat dalam kajian ini juga menyatakan hasrat untuk menggunakan kemahiran yang mereka ada untuk berniaga (item 3). Sejumlah 89 peratus pula menyatakan bahawa mereka ingin berniaga kerana anak-anak dan keluarga (item 4) dan percaya bahawa dengan berniaga

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

boleh membantu mereka mencapai cita-cita (87.3 peratus - item 5). Selain menyatakan minat untuk berniaga (83.3 peratus – item 6), sejumlah 80.8 peratus dalam kalangan mereka menyatakan bahawa mereka mempunyai rakan yang berjaya dalam perniagaan (item 7) dan yakin menyatakan bahawa perniagaan boleh menyebabkan mereka menjadi kaya (79.4 peratus – item 8). Kebanyakan mereka juga berpandangan bahawa dengan menjalankan perniagaan sendiri, mereka boleh menjadi bos atau ketua (77.1 peratus – item 9) dan mengenali ahli perniagaan berjaya yang boleh dijadikan contoh untuk memotivasikan mereka untuk memulakan perniagaan (76.3 peratus – item 10).

4.2. Hubungan antara Motivasi dan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Banduan Parol

Analisis korelasi pearson yang dijalankan seperti mana dalam Jadual 3 menunjukkan terdapat hubungan yang positif, sederhana dan signifikan antara motivasi ($r = .517$, $k < .000$) dengan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol di Malaysia. Keputusan ini mendapati bahawa motivasi merupakan aspek yang mempunyai hubungan signifikan dengan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol. Hubungan yang positif memberi petunjuk bahawa semakin tinggi motivasi dalam kalangan banduan parol, maka semakin tinggi kemahiran keusahawanan yang boleh digilap dalam kalangan mereka.

Jadual 3:Pekali Korelasi antara Motivasi dan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Banduan Parol

Pemboleh ubah	Kemahiran Keusahawanan	
	Nilai Korelasi (r)	Aras Signifikan (k)
z	.517**	.000

Nota: ** signifikan pada aras keyakinan 0.01

Hasil kajian ini dilihat selari dengan kajian yang dijalankan oleh Sabiu et al. (2018) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi keusahawanan dan aspek tingkah laku keusahawanan. Kuratko dan Hodgetts (2007) memperkukuhkan dapatan yang diperoleh di mana kebolehan untuk memulakan perniagaan dan mengembangkannya bergantung kepada motivasi seseorang usahawan untuk menerajui perniagaannya. Memandangkan aspek motivasi telah dikenal pasti sebagai domain yang mempunyai hubungan dengan kemahiran keusahawanan, maka adalah disarankan agar pihak yang berkepentingan khasnya Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dengan kerjasama Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk menjalinkan kerjasama strategik bagi mewujudkan modul keusahawanan yang berupaya memberi motivasi dan melatih bekas banduan untuk memulakan kerjaya dalam bidang keusahawanan. Matthew dan Sonfield (2008) serta Strickland (2018) dalam kajiannya mendapati bahawa bekas banduan yang masih menganggur dan belum mendapatkan pekerjaan setelah selesai menjalani hukuman penjara, dilihat lebih berpotensi untuk mengulangi semula jenayah yang dilakukan berbeza senario dan keadaannya dengan bekas banduan yang telah berjaya memperoleh pekerjaan. Stigma masyarakat terhadap bekas banduan juga telah menyebabkan kesukaran bekas banduan untuk memperoleh pekerjaan bagi mengurus kehidupan dan menanggung keluarga serta anak-anak mereka (Rose & Clear, 2003; Aminu & Halim, 2015). Ruta dan Mirjam (2007) berpendapat keputusan bekas banduan memilih kerjaya untuk bekerja sendiri dan terlibat dengan keusahawanan setelah

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dibebaskan merupakan keputusan yang tepat disebabkan kesukaran memperoleh pekerjaan ekoran daripada rekod jenayah yang telah disabitkan ke atas diri mereka.

5. Kesimpulan

Secara kesimpulan kajian mendapati bahawa kebanyakan banduan parol yang terlibat dalam kajian menunjukkan tahap motivasi keusahawanan yang tinggi (56.2 peratus) untuk menceburi bidang keusahawanan. Keputusan ini memberikan gambaran dan petunjuk bahawa wujudnya keperluan oleh pihak Jabatan Penjara dalam usaha untuk membangunkan modul-modul keusahawanan bagi melatih dan memberi kemahiran keusahawanan kepada banduan parol yang masih dalam pengawasan pihak Jabatan Penjara Malaysia. Kajian ini juga seterusnya mendapati terdapat hubungan yang positif, sederhana dan signifikan antara motivasi dengan kemahiran keusahawanan dalam kalangan banduan parol di Malaysia. Analisis ini memberi gambaran bahawa untuk membantu meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan maka aspek motivasi dalam kalangan banduan parol perlu diberikan perhatian. Ini kerana, semakin tinggi motivasi keusahawanan, maka semakin tinggi kemahiran keusahawanan dapat ditingkatkan dalam kalangan banduan parol. Hasil kajian memberi implikasi terhadap keperluan mewujudkan modul keusahawanan dalam kalangan banduan parol di seluruh Malaysia agar mereka dapat menjalani latihan kemahiran keusahawanan sewaktu menjalani tempoh pengawasan parol dan seterusnya membina kerjaya melalui aktiviti keusahawanan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini telah mendapat kelulusan untk menjalankan kajian dari Jabatan Penjara Malaysia dengan kod kelulusan PRIDE.BDK.Rd.500.8/9/1JLD.53(34). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika sepertimana yang digariskan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), kod penyelidikan FRGS/1/2021/SS0/UKM/02/10. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada KPT, Jabatan Penjara Malaysia dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua yang telah menjayakan kajian.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental dengan Kod Projek: FRGS/1/2021/SS0/UKM/02/10.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rujukan

Aidis, R. & Mickiewicz, T. (2006). Entrepreneurs, Expectations and Business Expansion: Lessons from Lithuania. *Europe Asia Studies*, *58*(6), 855-880.

Arikunto. (2006). *Prosedur Penelitian Syatu Pendekatan Praktek*. Jakarta: PT. Rineka Cipta.

Aminu Musa & Ahmad Abd Halim. (2015). The role of prison criminogenic experience and social stigma towards criminal recidivism: A quantitative approach. *In USM International Conference on Social Sciences 2015*, Penang.

Azwin Darlina Ismail @ Ja'far, Nor Aishah Buang & Norasmah Othman. (2021). Kecenderungan Keusahawanan terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan atas Talian Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH),* 6(2), 9 - 21.

Baum, J. R., & Locke, E. A. (2004). The relationship of entrepreneurial traits, skill, and motivation to subsequent venture growth. *Journal of applied psychology*, *89*(4), 587.

Carter, D. Simkins, B. J & Simpton, W. G. (2003). Corporat Governance, Board Diversity and Firm Value. *The Financial Review*, 38, 33-53.

Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik penyelidikan - Ujian Univariat dan Multivariat (Buku 4), Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill

Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2001. *Research Methods in Education. Edisi ke 5*. London: Routledge, Falm.

Deveci, I. & Seikkula-Leino, J. 2018. A review of entrepreneurship education in teacher education. *Malaysian Journal of Learning and Instruction, 15*(1), 105-148.

Fletcher, D. R. (2004). *Reducing Re-Offending: The Enterprise Option, Small Business Service*. London.

Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohammad Rahim Kamaluddin & Sheerad Sahid. (2021). *Pembentukan Model Personaliti dan Kemahiran Keusahawanan untuk Bekas Banduan di Malaysia*. Laporan Akhir Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Bangi UKM.

Harlow, C. (2003). *Education and Correctional Populations*. Bureau of Justice Statistics, NCJ 195670.

Kirkwood, J. (2009). Motivational factors in a push-pull theory of entrepreneurship. *Gender in Management*, *24*(5), 346-364.

Kolvereid, L. (1996) Prediction of Employment Status Choice Intentions. *Entrepreneurship: Theory & Practice,* 21, 47-57.

Kuratko, D. F., & Hodgetts, R. M. (2007). *Entrepreneurship: Theory, Process, Practice*. Mason, OH: Thomson.

Latham, G. P., & Pinder, C. C. (2005). Work motivation theory and research at the dawn of the twenty-first century. *Annu. Rev. Psychol.*, *56*, 485-516.

Matthew, C. & Sonfield. (2008). Entrepreneurship and prisoner re-entry: the development of a concept. *Small Business Institute Research Review*, 35.

Mears, D. P., Winterfield, L., Hunsaker, J., Moore, Gretchen, M. E., & White, R. M. (2003). *Drug treatment in the Criminal Justice System: The current state of knowledge Washington*, *D.C*. Urban Institute Justice Policy Center.

Nor Hazwani Halim & Sheerad Sahid. (2020). Kemahiran Kesediaan Kerja, Efikasi Kendiri, Tingkah Laku Keusahawanan dan Eksplorasi Kerjaya dalam kalangan Graduan. *Jurnal Akademika, 82*(1), 103-111.

Rose, D. R. & Clear, T. R. (2003). *Incarceration, reentry and social capital in the prisoners once removed*. Washing, D.C. Urban Institute Policy Center.

Ruta, A. & Mirjam, V. P. (2007). "Illegal entrepreneurship experience: Does it make a difference for business performance and motivation?". *Journal of Business Venturing*, 22, 283-301

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Sabiu, I. T., Abdullah, A., Amin, A., & Tahir, I. M. (2018). An empirical analysis of the need for achievement motivation in predicting entrepreneurial persistence in Bumiputra entrepreneurs in Terengganu, Malaysia. *International Journal of Business and Globalisation*, *20*(2), 190-202.

Sabitha, M. (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Malaysia: Pearson Prentice Hall.

Segal, G., Borgia, D. & Schoenfeld, J. (2005) The Motivation to Become an Entrepreneur. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, 11, 42-57

Simpson, M., Padmore, J. & Newman, N. (2013). Towards a New Model of Success and Performance in SMEs. *International Journal of Entrepreneurial Behavior & Research*, *18*(3), 264–285.

Strickland, C. (2018). *Recidivism levels, unemployment programs, and the effects on different characteristics of criminal offenders*. [Doctoral dissertation], Iowa State University).

Sheppard, A., & Ricciardelli, R. (2020). Employment after prison: Navigating conditions of precarity and stigma. *European Journal of Probation*, *12*(1), 34-52.

Sharafizad, J. & Coetzer, A. (2016). Women business owners' start-up motivations and network content. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, *23*(2), 590-610.

Tipple, G. (2005). The place of home-based enterprises in the informal sector: Evidence from Cochabamba, New Delhi, Surabaya and Pretoria. *Urban Studies, 42*(4) 611-632

Wallace, D.P. & Van F.C.J. 2012. *Knowledge into Action: Research and Evaluation in Library and Information Science.* Santa Barbara, CA: Libraries Unlimited.

Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang & Ibrahim Mamat. (2019). Faktor-faktor penentu kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Akademika, 89*(2), 3-15.

Williams, C. (2007) Research Methods. *Journal of Business & Economic Research*, 5, 65-72.

Williams, B. G. (2008). Entrepreneurship-Hop. *Entrepreneurship Theory and Practice*, *32*(2), 361–368.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).